

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita maklum, pada sebelah pagi tadi sebelum kita berehat, satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022, untuk diperuntukkan wang tersebut bagi maksud-maksud tertentu**" telah selesai dibuat pembentangannya dengan cukup jelas, terutamanya mengenai sebab-sebab serta tujuan dengan terperinci yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Rang Undang-Undang ini telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, maka Rang Undang-Undang ini akan saya bukakan untuk dibahaskan.

Perlu saya ingatkan, bahawa pertanyaan ataupun perbahasan ini seeloknyalah ditumpukan kepada asas dan kelayakan Rang Undang-Undang ini. Bersama saya di sini, terdapat satu senarai yang mengandungi nama-nama Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk ikut serta dalam membincangkan Rang Belanjawan ini. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola menyedari defisit yang kita hadapi sejak beberapa tahun yang lalu, kaola ingin mencadangkan beberapa perkara yang kaola rasa penting.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat, ada baiknya kalau Yang Berhormat bercakap dengan lebih kuat supaya kita dapat mendengar dengan jelas apa-apa pertanyaan daripada Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin tahu apakah langkah diambil oleh kerajaan bagi kes kartel daging import. Dengan ini juga, kaola bercadang agar penguatkuasaan perlu dikukuhkan dengan mengambil langkah tegas dan perkembangan siasatan mengenai sumber daging import hendaklah dilakukan secara berterusan agar kesejahteraan rakyat akan lebih terjamin. Selain itu, kajian perlu dijalankan dengan berterusan dari mana sumber daging import agar daging import di Brunei tidak diragui kehalalannya.

Seterusnya, pelaksanaan *Food Bank* (bank makanan). Kaola ingin mencadangkan agar satu program *Food Bank* dapat diwujudkan supaya dapat mengurangkan pembaziran makanan di negara ini dan kaola ingin agar dapat diwujudkan suatu undang-undang yang

boleh mengawal pembaziran makanan di negara ini. Kaola bercadang agar pihak yang berkenaan akan dapat menjalankan kajian terhadap jumlah pembaziran yang dilakukan dalam acara-acara keraian terutamanya yang melibatkan makanan agar masalah ini dapat dikawal dan juga dibendung. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Saya menyokong peruntukan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi, dengan peruntukan kewangan yang telah dibentangkan dengan cukup panjang lebar. Saya ingin menyentuh dua perkara:

1. Untuk meningkatkan kutipan hasil. **اللَّهُمَّ** negara baru-baru ini memperkenalkan caj keluar masuk yang diterangkan tadi melalui sempadan kitani serta juga beberapa tahun lepas *sugar tax* oleh Kementerian Kesihatan. Saya ingin mencadangkan beberapa lagi caj perkhidmatan yang dapat difikirkan bersama untuk meningkatkan hasil kutipan kitani dengan diperkenalkan secara berfasa dan sesuai dengan peringkatnya. Adalah kerana

perkara-perkara ini bersifat *luxury* dan ada alternatif yang lebih berpatutan harganya. Perkara-perkara yang saya maksudkan ialah:

- i. Caj bagi iklan-iklan makanan segera kerana *Code on Responsible Marketing on Food and Beverages to Children in Brunei Darussalam* yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan adalah bersifat *non binding*;
 - ii. Cukai bagi makanan dengan kandungan garam yang tinggi; dan
 - iii. Caj pendidikan atau caj perkhidmatan bagi sekolah-sekolah dan kolej-kolej antarabangsa.
2. Untuk mengurangkan perbelanjaan negara, penggunaan minyak yang mengikut harga pasaran masih rendah pemakaiannya. Saya cadangkan untuk subsidi minyak kereta kitani untuk dikaji semula dan bukan untuk pihak-pihak yang menggunakan kenderaan komersial, kenderaan berat mahupun kenderaan bertaraf mewah. Ini supaya dapat kitani memanfaatkan subsidi kitani ini kepada mereka yang benar-benar memerlukan serta mengurangkan perbelanjaan negara.

Perkara ini juga akan disokong nanti dengan kitani menyaksikan atau menyasarkan 65% penggunaan

kereta elektrik menjelang tahun 2035 serta trend dunia sekarang *phasing out combustion engine*. Subsidi ini juga dapat digunakan untuk peningkatan perkhidmatan yang lain seperti menaik taraf pengangkutan awam, infrastruktur awam dan lain-lain.

Ingin ditanyakan juga jika dapat dikongsikan di Dewan ini, berapakah perbelanjaan yang dapat kitani *save* ataupun kurangkan dalam subsidi minyak ini jika ia dijalkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

1. Kaola suka untuk membawa usul sepertimana di bawah Akta Cukai Pendapatan Korporat supaya semua syarikat berdaftar 'sendirian berhad' dikenakan cukai pendapatan walaupun ia sebuah syarikat 'sendirian berhad' yang kecil seperti kedai jahit dan sebagainya. Sekurang-kurangnya ini menambah sumber fiskal negara. Setinggi tahniah atas ketegasan Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas tuntutan cukai pendapatan korporat.;

2. Diusulkan *Brunei Halal Food* supaya dibuatkan pelan tindakan kebangsaan yang melibatkan pihak kerajaan dan swasta sebagai *steering committee* dalam perancangan dan strategi pembuatan dasar ke arah menjadikan Brunei memiliki konsortium penyedia pasaran makanan halal dunia dengan perjanjian perdagangan bebas terbesar dunia sebagai *platform* dan kesempatan terbaik.

Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan yang sangat komprehensif mengenai perbelanjaan hasil negara dan tema "tahun kewangan pada tahun ini iaitu: "Ke arah Pembangunan Sosioekonomi yang *resilience*.

Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak kementerian-kementerian kerana telah banyak mempertingkatkan usaha dan inisiatif dalam menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan pada masa yang sama berusaha dalam meningkatkan taraf

hidup masyarakat dan negara kita. Inisiatif-inisiatif ini sangat penting untuk membantu kita mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah mengenai program-program *fiscal consolidation* yang sudah mula nampak hasilnya. Kaola menyambut baik usaha pihak kementerian dalam pelaksanaan inisiatif *fiscal consolidation* yang dapat membantu pengurangan perbelanjaan kerajaan seperti melalui kaedah *corporatization*.

Soalan kaola bilakah kita akan dapat melihat hasil yang diharapkan daripada penjimatan perbelanjaan kerajaan ini nanti? Lazimnya tiap-tiap tahun sebanyak 4 bilion diperuntukkan setiap tahun untuk perbelanjaan kerajaan tetapi tidak mencukupi dan pihak kerajaan selalunya memerlukan peruntukkan tambahan. Pada tahun ini بِسْمِ اللَّهِ sebanyak \$4.2 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan kerajaan dan diharapkan dengan peningkatan peruntukan ini nanti sebolehnya sebarang peruntukan tambahan dapat dielakkan dalam usaha menjimatkan peruntukan yang telah diberikan.

Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong dan mengucapkan tahniah di atas pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam mukadimah pembentangan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan 2021/2022. اللَّحْمَدُ لِلَّهِ segala usaha dan peruntukan yang dinyatakan disambut baik, sama-sama kita berdoa semoga rakyat negara dan dapat menikmati keberhasilan melalui usaha-usaha yang bersepadu dan sama-sama berkayuh ke arah pelaksanaan dan pencapaian.

Izinkan kaola memberikan cadangan, kaola harap ia dapat memberikan suntikan nilai tambah kepada usaha kita semua:

1. Isu banjir senegara untuk dapat ditangani mengikut keutamaan. Dalam beberapa tahun sebelum ini negara sudah dilanda dengan bencana seperti banjir di kawasan pedalaman, banjir kilat di kawasan bandar, tanah runtuh dan sebagainya. Ini fenomena sebilangan besar disebabkan oleh kesan perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu. اللَّحْمَدُ لِلَّهِ usaha-usaha agensi kerajaan dalam

menangani kejadian-kejadian ini telah berhasil, menampakkan kesannya serta sentiasa menjaga kesejahteraan rakyat di negara ini terutama sekali rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan daerah yang teruk terjejas.

Dalam pemantauan dan dapatan dari kejadian ini, pandangan kaola ada lagi ruang yang perlu diperbaiki dan ditambah baik terutama sekali dalam menyelesaikan kejadian-kejadian kenaikan air sungai yang disebabkan kenaikan air paras laut yang dikenal pasti oleh agensi-agensinya yang terlibat dalam mengenal pasti kesan-kesan daripada perubahan iklim ini seperti membina struktur penghadang di sebahagian lokasi sepanjang pantai bagi mengurangkan dan mengelakkan impak kenaikan paras. Pandangan kaola ada baiknya usaha-usaha atau projek-projek dalam menangani penyebab kenaikan paras sungai ini dapat diberi keutamaan dalam tajuk perbelanjaan pada tahun ini dan juga pada masa akan datang.

Kaola percaya dengan perbelanjaan itu nanti ia bukan sahaja akan mampu menjaga kepentingan kawasan tetapi punca hasil pendapatan negara di Daerah Belait berada yang juga akan lebih mendatangkan manfaat yang sangat besar kepada negara dan rakyat semua daerah termasuk Daerah Tutong jika ia ditangani

dengan fokus mengikut keutamaan.;

2. Kaola juga ingin menyentuh penjimatan besar dengan memperkasa penglibatan sektor swasta. Walaupun, projek-projek RKN pada Tahun Kewangan 2021/2022 berkurangan dari tahun sebelumnya, kaola percaya dan setuju ia bukanlah satu faktor yang akan menjejaskan sektor industri dan perkhidmatan negara ini.

Kaola percaya ia adalah hasrat untuk memperkasa penglibatan sektor swasta dalam projek-projek yang dipercayai berunsur komersial dan penjimatan besar kepada kerajaan. Ini langkah yang disokong bagi mencari satu pendekatan yang seimbang antara kerajaan dan sektor swasta. Antara usaha penjimatan besar kepada kerajaan dan boleh memperkasa penglibatan sektor swasta yang dikenal pasti ialah projek-projek Skim Rancangan Perpindahan Negara. Dasar dan pendekatan baharu perlu diteliti dan diperkenalkan dengan seberapa segera sebelum RKN seterusnya bermula iaitu RKN-12.

Kaola percaya dengan adanya pendekatan baharu dan mengemaskinikan dasar yang sedia ada, pihak-pihak yang berkenaan akan dapat menangani isu-isu Skim Rancangan Perpindahan Negara dengan segera seperti mengelakkan orang yang

menunggu sehingga dua tahun baru dapat rumah dan tidak langsung akan dapat membantu merangsang pertumbuhan sektor pasaran harga tanah *property market sectoral* di negara ini.

Sekian sahaja yang untuk disampaikan. Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang Perbekalan Negara Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 yang lengkap dan terperinci sesuai dengan suasana di dunia dalam wabak koronavirus di negara kita tidak terkecuali menerima impaknya.

Pembentangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara untuk membenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$5.86 bilion dari Kumpulanwang Yang Disatukan yang sangat jelas dan اَلْحَمْدُ لِلَّهِ

bersesuaian dengan situasi keperluan dan kemampuan masa kini. dari kumpulanwang ini negara masih dapat melaksanakan kemajuan negara iaitu diperuntukan sejumlah \$600 juta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, memandangkan situasi pasaran minyak dunia masih pada tahap yang tidak menentu pada tahun-tahun kebelakangan ini, walaupun ada kenaikan harga minyak US\$62 setong, sebagai negara pengeluar minyak keadaan ini setentunya mempengaruhi ekonomi negara dan fiskal negara masih terus menerus menghadapi cabaran defisit iaitu sebagaimana yang dikatakan tadi \$3.5 bilion.

Oleh itu, pengurangan peruntukan terhadap beberapa projek kemajuan kerajaan amat sesuai sekali. Maka, kawalan perbelanjaan yang baru saja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II itu tadi kelihatannya masih diteruskan. Kaola menyambut baik dan menyokong sepenuhnya kerana ia usaha untuk mengurangkan unjuran defisit belanjawan iaitu bertujuan mewujudkan *fiscal space* yang cukup agar perbelanjaan kerajaan akan dapat disalur kepada projek utama sahaja iaitu menjurus kepada pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan *sustainable development goals* bagi mencapai keseimbangan belanjawan untuk memastikan kestabilan fiskal negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi menjelaskan beberapa inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan sebagai cara negara ini berbelanja secara berhemah dan dirancang dengan sehalus-halusnya untuk Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu sesuai dengan tema "Ke arah pembangunan sosioekonomi yang *resilien*," iaitu mengikut keutamaan seperti meningkatkan aktiviti pelaburan, memudah cara perniagaan, menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable* dan memelihara kesejahteraan awam dan agak ada ruang yang luas untuk menyediakan pekerjaan kepada anak-anak tempatan menerusi aktiviti-aktiviti perusahaan dan inisiatif pelaburan yang mampu menyediakan ekosistem bagi pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi terutama di sektor swasta dan dapat menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) tanpa terlalu bergantung pada pihak kerajaan.

Sebagai satu cadangan jangka panjang kepada pelaburan ini apakah kiranya negara ini menubuhkan syarikat usaha sama pemasangan *HEV* iaitu *Heavy Electrical Vehicle* dengan syarikat automotif terkenal di luar dan negara ini akan menjadi pengeluar tunggal di kawasan Asia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita amat bersyukur kerana perbelanjaan masih tidak mengenyepikan sebahagian keutamaan peruntukan kerajaan, peruntukan keperluan kebajikan dan

kesejahteraan awam berjumlah \$450 juta yang membantu hal-hal yang berkaitan dengan meningkatkan pendidikan, kesihatan, keagamaan, peningkatan kebelaian dan membantu orang yang menghadapi bencana, kurang berkemampuan dan kurang upaya.

Berkenaan dengan kesejahteraan dan kemudahan awam dicadangkan diberi keutamaan terhadap permasalahan yang tidak pernah selesai iaitu masalah penduduk kampung dan bantuan banjir di kawasan yang berulang-ulang. Sehubungan itu, dicadangkan sebagai penyelesaian ialah meninggikan paras jalan secara bertahap menerusi program peningkatan dan pembaikan infrastruktur jalan raya dengan Anggaran Perbelanjaan 2021/2022 berjumlah \$11,147,540 juta yang harga Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 sebanyak \$25 juta. Jalan yang dimaksudkan ialah Jalan Bengkurung dan Jalan Kerancing di Mukim Rambai yang sudah bertahun-tahun menjadi rutin mengalami banjir menyebabkan penduduk di kawasan ini tidak boleh keluar membeli keperluan harian dan juga agensi memberi bantuan menghadapi kesukaran, malah bantuan tidak dapat disalurkan sehingga menunggu air surut.

Jika siapnya nanti pembinaan kolam penahanan banjir Daerah Tutong Fasa I, Anggaran Perbelanjaan 2021/2022 berjumlah \$5 juta dan Skim Pemiakan Dataran Banjir Sungai Tutong dengan Anggaran Perbelanjaan \$1,785,670 juta diharap akan mengurangkan risiko banjir di kawasan tertentu di Daerah Tutong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh mengenai usaha kerajaan untuk meningkatkan sektor aktiviti keutamaan misalnya seperti sektor pemakanan, industri pelancongan, sektor ekonomi digital dan sektor perkhidmatan kini menampakkan peningkatan. Oleh itu, diharap keberadaan sumber utama yang semakin berkembang ini akan menambahkan lagi peluang pekerjaan dan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu, semua pihak berkepentingan agar dapat mengambil peluang terhadap projek-projek yang telah diwujudkan ini dan projek-projek yang akan datang. Diharap projek-projek keusahawanan dan industri akan datang dapat dilaksanakan juga di Daerah Tutong bagi memberikan peluang kepada belia di Daerah Tutong dapat menjawat pekerjaan dalam projek tersebut agar tidak timbul masalah pengangkutan bekerja ke daerah lain. Para belia dan badan bukan kerajaan *NGO* banyak peluang dalam bidang perusahaan yang masih luas untuk diterokai kerana pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan \$4,187,106 juta bagi kemajuan perusahaan dan industri membantu menyediakan keperluan dan kemudahan yang berkaitan. Umpamanya menyediakan berbagai-bagai kursus kemahiran dan Program Pembangunan Belia. Walau bagaimanapun, ruang ini tidak akan tercapai sepenuhnya kerana terdapat belia yang tinggal jauh dari tempat kursus berkenaan di daerah lain jadi sukar bagi mereka mengikutinya kerana masalah pengangkutan.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya kursus dan Program Pembangunan Ekonomi serta Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dilaksanakan juga di Daerah Tutong iaitu sumber tenaga manusia mempunyai Anggaran Peruntukan Tahun 2021/2022 berjumlah \$58,452 juta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Peruntukan untuk keperluan kemudahan-kemudahan bagi memelihara kesejahteraan awam masih ada sebagai satu keutamaan. Misalnya, disediakan \$58,037,476 juta untuk projek-projek pengurusan berkenaan air bersih maka mudah-mudahan gangguan bekalan air tidak akan berlaku berterusan. Rancangan untuk menggunakan sistem meter bagi mendapatkan bekalan air adalah suatu inisiatif yang tepat pada masanya bagi mengelakkan berlaku tunggakan iaitu selaras dengan usaha kerajaan mengawal perbelanjaan dan berjimat cermat.

Akhirnya, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini masih dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran kerana baginda sentiasa memedulikan rakyat di samping tidak mengeneipkan matlamat kerajaan agar negara serta penduduk dapat menikmatinya secara berterusan. Sekian **وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum saya menyoal satu soalan lebih dahulu kaola menerangkan apa yang akan disoal nanti. Dalam usaha untuk menangani cabaran ekonomi Brunei Darussalam perlu melihat kepentingan untuk mengukuhkan pelaburan domestik negeri kita memilih banyak bahan mentah yang boleh ditambah nilai sebelum dipasarkan di pasaran tempatan atau dieksport ke pasaran global. Sebagai contoh, hasil bumi seperti pasir putih, air galian dan batu kelikir dan sebagainya. Juga dari pertanian iaitu padi, buah-buahan, herba dan lain-lain lagi. Pembuatan kraftangan misalnya kraftangan, seni ukir dan sebagainya.

Kita tidak hanya perlu menumpukan perhatian kepada menerima keperluan asing sahaja iaitu *FDI* tetapi perlu juga melihat penubuhan di peringkat domestik sebagai usaha untuk mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah menggunakan teknologi baharu dalam semua sektor. Kepentingan bagi menubuhkan pusat kajian, mendidik dan penggunaan kebangsaan (*R&D*) perlu dilihat sebagai keutamaan dan memangkin bagi menggalakkan penubuhan sumber-sumber ekonomi di Negara Brunei Darussalam yang memberikan kebaikan

kepada rakyat iaitu antara fungsi dan perniagaan.

Misalnya, membuat kajian untuk menghasilkan produk-produk hiran yang terskala kecil, sederhana dan mega bagi membuka peluang-peluang perniagaan dan juga menghasilkan produk-produk baharu yang berinovasi. Hasil pendidikan dan pembangunan ini dapat diinovasi dan ditawarkan kepada pelabur-pelabur domestik seperti *MSME* tempatan khususnya belia untuk memajukan sebagai sebuah perniagaan. Dalam masa yang sama, bantuan dan kemudahan kewangan serta bimbingan dapat disediakan untuk peluang kejayaan menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan boleh ke pasaran yang besar.

Soalan kaola, apakah pihak-pihak yang berkenaan mempunyai perancangan ke arah, terutama sekali dalam meluaskan usaha program dan aktiviti *R&B* Negara Brunei Darussalam. Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan beberapa pandangan berhubung dengan Rang Undang-Undang ini. Adakah Ahli-Ahli Kerana Jawatan sebelah sini suka memberikan reaksi mereka mengenai pertanyaan-pertanyaan itu ataupun ditunggu sehingga suatu masa yang sesuai untuk dijawab.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi menjawab beberapa soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, barangkali ada beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kaola akan mengambil kesempatan untuk menjawab manakala sebahagiannya yang lain tertakluk kepada rakan-rakan sejawatan kaola sama ada mahu menjawabnya atau sebaliknya.

Mengenai subsidi minyak, memang perkara ini bertahun-tahun sudah kerajaan men*subsidised* minyak di stesen minyak yang tertakluk kepada harga pasaran. Tiap-tiap tahun itu sekurang-kurangnya ada jua subsidi sampai meningkat 100 juta hingga 300 juta yang tertakluk kepada harga minyak pasaran. Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi mengenai mengurangkan subsidi bagi kereta komersial ataupun *luxury cars*. Perkara ini untuk diteliti sedalam-dalamnya dengan Kementerian Tenaga.

Mengenai *how much can we save from the subsidy* yang dapat kitani gunakan untuk melabur kepada *developing public transport* dan sebagainya. Kalau sekiranya dari jumlah subsidi yang kaola nyatakan tadi itu tidak semua dapat diijamatkan sebab ada sebahagian penduduk yang berpendapatan rendah, tidak dapat ditiadakan sama sekali. Jadi kalau dari komersial dan *luxury* itu *maybe* jumlahnya tidak setinggi mana. Kerajaan

juga ada menyediakan peruntukan untuk kitani membuat program *public transport*, yang sudah ada bajetnya yang berasingan.

Mengenai soalan yang satu lagi, iaitu cukai untuk dikenakan kepada semua syarikat sama ada besar, kecil sampai kedai jahit atau sebagainya pun dikenakan cukai tetapi perkara ini perlu difikirkan. Kalau semua syarikat dibuatkan 'sendirian berhad', jadi yang berpendapatan *other business* iaitu berpendapatan rendah mampukah mereka untuk melantik *auditor* untuk mengaudit akaunnya iaitu sebelum dicukai? Tidak akan sampai bisnes kecil-kecilan dengan pendapatannya beberapa ribu sahaja terpaksa melantik *auditor* untuk dicukai. Itu barangkali kitani mesti lihat dari segi kitani *impose* 'sendirian berhad' yang pernah dilaksanakan pada 80-an. Kalau ejen kereta, *insurance company*, *travel agent* dimestikan dijadikan 'sendirian berhad' maka dipakai *sectorial as opposed to* kitani dilaratkan ke semua bisnes-bisnes dalam negeri.

Mengenai *fiscal consolidation programme*. Soalan sama ada kitani sudah nampak impaknya? Memang impaknya itu sudah mulai dilihat sepertimana yang kitani lihat dalam projek, seperti Pulau Pelabuhan Muara bekerjasama dengan *Muara Port Company* yang telah menjimatkan kerajaan termasuk bayaran yuran dan sebagainya sekurang-kurangnya \$20 juta setahun. Juga baru-baru ini pengkorporatan Jabatan Percetakan Kerajaan. Ini satu projek yang mungkin akan mengambil masa *because* kitani

akan mengambil masa meningkatkan lagi efisiensi operasi *company* ini, jadi hasilnya mengambil masa sedikit dan kalau dilihat lagi jua *UNW* pun boleh dijadikan satu contoh *Fiscal Consolidation Programme*. Itu sudah menjimatkan kerajaan berpuluh-puluh juta setiap tahun. Bagi anggaran sahaja yang *diestimate* dalam setahun pada tahun pertama sudah menjimatkan \$30 juta lebih kepada kerajaan.

PaddyCo yang memajukan penanaman padi di Kandol pun menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Jadi soalnya, kenapa juga kalau sudah ada nampak impak positifnya dari *corporatization* ini kenapa peruntukan itu masih lagi ada bertambah-tambah dari setahun ke setahun tapi kalau dilihat tadi, kaola sudah menerangkan dalam *speech* tadi kalau dilihat bagi tahun 2019/2020 nampaknya perbelanjaan kerajaan sudah mulai menurun daripada kalau dibandingkan dengan tahun yang sebelumnya. Kalau dilihat tahun kewangan ini, tahun 2020/2021, nampaknya perbelanjaan pun jua ikut menurun jua tahun ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Perkara ini kalau melihat impaknya yang sebenar, memang mengambil masa, kitani jua mesti teruskan dengan aktiviti-aktiviti lain bukannya mengharapkan sahaja apa yang kitani sudah buat. Memang mesti dilihatkan lagi projek-projek lain. Pada masa ini, memang ada beberapa projek yang sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan dan bersama beberapa kementerian kerajaan jua.

Satu lagi soalan mengenai elektrikal sama ada kitani dapat memasang *hybrid heater* di Brunei ini. Barangkali perkara ini kitani mesti fikirkan jua kalau bagi rakan kongsi kitani kalau kitani akan menubuhkan satu kilang di Brunei untuk memasang elektrikal ini memang satu faktor yang akan difikirkan benar-benar itu ialah *domestic market* kitani. Memang kitani di Brunei, *domestic market* tidak besar, jadi kalau kilang itu memang tidak efisien kalau mereka mengadakan *factory* itu di negeri-negeri lain lebih besar *domestic market*nya. Ini satu cabaran untuk kitani fikirkan.

Jadi memang masa ini elektrikal ini yang popular yang kitani pada masa ini *concentrate* kepada elektrikal tapi jangan jua kitani lupa masa depan barangkali ada *alternative energy* jua, kitani mendengar jua *hydrogen powered car* dan sebagainya. Jadi *how environmentally friendly* sebenarnya *electric car* ini masih jua menggunakan elektrik, jadi jangan kitani terlampau fokus kepada *electric car because its the flavor of the day*, jadi masa depan industri ini mungkin akan berubah lagi. Jadi jangan *before we make our so call investment* fikirkan jua *how the industry will develop over time?* Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab beberapa soalan daripada beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan barang-barang import daging dan lain-lain. Untuk makluman sebenarnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lebih cenderung kepada meningkatkan keluaran dalam negara dan kalau boleh untuk eksport dan mengurangkan import. Walau bagaimanapun, kitani sebagai negara kecil memang tidak mampu untuk mengeluarkan semua kehendak kitani itu. Jadi oleh demikian ada banyak yang kitani import juga terutama sekali produk-produk yang memang tidak dapat tumbuh di sini seperti *apple*, *strawberries* dan lain-lain lagi.

Jadi, berkenaan dengan import sayur-sayuran, import daging dan lain-lain itu memang ada peraturannya yang kementerian sering berhubung dengan autoriti-autoriti dalam negara sebelum negara berkenaan mengeksport barangan mereka ke Negara Brunei Darussalam. Autoriti berkenaan harus mengiktiraf dahulu yang ladang-ladang berkenaan *fit* untuk mengeluarkan barangannya untuk dieksport ke luar negara dan memang kementerian akan sama-sama menghubungi autoriti berkenaan untuk memastikan ia selamat untuk diimport ke Negara Brunei Darussalam.

Sebagai contoh daging, kementerian akan berhubung dengan autoriti

di Australia ataupun di Malaysia untuk memastikan bahawa ladang mereka bersih, terhindar daripada penyakit yang membawa kesan kepada pengguna-pengguna. Kita akan terus bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha negara misalnya, contoh barang tanaman untuk memastikan barang-barang import yang banyak itu akan diganti dengan keluaran negara sebagai contoh kita masih mengimport sekitar 90% cili daripada keperluan kitani. Oleh demikian kementerian akan menghubungi peladang-peladang kitani untuk memastikan mereka menambahkan keluaran cili yang merupakan satu peluang untuk mereka meraih keuntungan disebabkan permintaan yang tinggi.

Jadi yang demikian, satu perkara lagi yang harus diingat mengenai import daging, ia perlu mendapatkan pengiktirafan halal daripada Majlis Ugama Islam Brunei. Jadi ada dua perkara memastikan daging itu sesuai untuk diimport ke negara ini ialah satu dari segi biosekuriti, akan ditangani oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, manakala sektor halalnya akan ditangani oleh bahagian halal haram di Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun di bawah Majlis Ugama Islam Brunei.

Ada tadi pertanyaan berkenaan *research development*. Kementerian memanglah tidak mampu untuk mengungkapkannya *research and development* yang berkesan dalam bidang pertanian dan makanan walau bagaimanapun, di bawah *economic blueprint* ada lagi

satu *food road map* yang telah pun siap digubal. Ada satu *challenge* (cabaran) yang dihadapi oleh kementerian dalam industri makanan iaitu dari segi *research dan development*.

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi sudah pun menghubungi institusi-institusi pendidikan tinggi seperti UBD, UTB dan UNISSA untuk bergiat aktif dalam *activity research* bagi membantu kementerian dan peladang-peladang kitani untuk menambahkan produktiviti keluaran masing-masing dan dengan sendirinya akan mengurangkan *cost* mereka dan produktiviti yang tinggi dan akan dapat menghasilkan keluaran yang selamat dan boleh menembusi pasaran dalam negara dan luar negara juga.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah mengenai import daging yang disebutkan oleh rakan kaola daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Memang betul bahawa dari segi aspek keselamatan pihak kementerian berkenaanlah yang punya urusan, sementara dari aspek kehalalannya ialah Majlis Ugama Islam Brunei. Tapi bagaimana halal itu dapat dipastikan, kita mempunyai undang-undang yang mengawal mengenai

import ini atau mengawal daging berimport ataupun daging yang di dalam negeri supaya penyembelihannya adalah penyembelihan yang diiktiraf.

Jadi, mengenai pengiktirafan Majlis Ugama Islam Brunei kepada daging-daging yang akan diimport dari luar itu pertama sekali pusat penyembelihannya mestilah diperiksa, diaudit untuk memastikan bahawa bukan dari segi aspek keselamatannya dan kelayakannya sebagai pengeluar daging yang halal. Antaranya ialah penyembelih bukan kelayakan dari segi *operate* mesin semata-mata tetapi kelayakannya sebagai sebagai seorang Islam yang amalan ugama kitani disini.

Barulah setelah ada pengiktirafan syarikat-syarikat pengimport kita boleh memohon kepada Majlis Ugama Islam untuk mengimport daging dari pusat yang berkenaan. Kebenaran mengimport dari segi kuota dan sebagainya adalah dari pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menentukannya.

Setelah itu syarikat berkenaan dikehendaki untuk membawa pemeriksa-pemeriksa bukan penyembelih kerana penyembelih sudah ditentukan oleh pusat tersebut tetapi pemeriksa 2 orang yang akan menentukan cara penyembelihan yang sempurna cara pembungkusan di dalam kotak untuk di eksport yang sempurna dan dipastikan sehingga ada *seal* ataupun *seal* yang ditentukan oleh pihak pemeriksa dan dieksport sampai ke pelabuhan kitani di periksa lagi kotak dan kontena yang

berkenaan *seal* itu sama ia utuh atau tidak untuk memastikan ia tidak dicemari.

Maka itulah proses yang bukan mudah untuk mendapatkan daging import daripada luar negeri. Setakat ini beberapa pusat-pusat penyembelihan di Australia dan Malaysia sudah mendapat pengiktirafan dan prosedurnya adalah seperti yang saya katakan tadi.

Prosedur bagaimana pemeriksaan ini di bawah kuat kuasa undang-undang Majlis Ugama Islam dan autoritinya Majlis Ugama Islam pada masa akan datang itu dalam dinamik kerana pengalaman baru-baru ini, kita tidak dapat menghantar pemeriksa ke sana ke pusat-pusat yang diiktiraf kita hanya berwakil kepada kedutaan-kedutaan kita dan pegawai-pegawai kedutaan yang dilatih melalui latihan secara virtual dan mereka juga mendapat panduan daripada *muslim society* ataupun *Islamic Council* di tempat-tempat berkenaan untuk menentukan tugas-tugas pemeriksa yang biasa dilakukan yang didatangkan dari Negara Brunei Darussalam itu dilakukan oleh mereka. Itu dalam keadaan yang dikatakan luar biasa.

Bagaimanapun keadaan luar biasa ini membuka satu ruang kemungkinan-kemungkinan yang kaola katakan tadi sebagai satu dinamika pada masa ini, untuk masa hadapan bagaimana kita harus menimbangkan tanggungan terpaksa dibebankan kepada pengimport bagi membiayai pemeriksa 2 orang iaitu setelah membiayai pemeriksaan untuk

mengiktraf pusat berkenaan adalah tinggi.

Dengan adanya biayai yang tinggi akan mengakibatkan modal untuk mengimport daging dari luar negeri tinggi, ujungnya kita sebagai pengguna akan turut membayar dengan tinggi. Mudah-mudahan pada masa akan datang kita tidak terlepas dari kebergantungan pada daging import dari luar negeri, mungkin kitani akan mengusahakan melalui dasar kecukupan bekalan makan asasi atau bekalan makanan yang diperlukan di negara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Demikian mengenai daging import. Kaola juga ingin menyentuh mengenai Sijil Halal. Memanglah masa ini sudah ada pemikiran ke arah mengangkat integriti sijil halal ini sehingga ia boleh menyumbang atau mendana kepada ekonomi negara sebagaimana yang diperolehi oleh sebahagian negara yang dekat dengan kitani, bahawa sijil halalnya boleh menyumbang kepada penjanaan ekonomi negara masing-masing. Kita yakin kerana halal kita itu satu *brand* yang sangat berharga, banyak pihak-pihak di luar negeri ingin menggunakannya tetapi masa ini kita masih dalam peringkat untuk memikirkan bagaimana hal-hal seperti ini dapat dilakukan sesuai bukan semata-smata dari segi aspek halal itu agama tetap aspek halal itu satu industri,

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berminat turut serta dalam perbahasan ini. Maka, sekarang saya berpendapat sesuai bagi Rang Undang-Undang Belanjawan ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sekarang akan seterusnya meneliti Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 ini satu persatu, maka bagi membolehkan perkara ini dibahaskan saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara dan Mesyuarat ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 ini satu per satu Rang Undang-Undang ini telahpun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2 Ceraian 1 dan 2.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Bab 2 Ceraian 1 dan 2. Silakan jika ada Ahli-Ahli yang ingin membahaskan. Jika tidak ada Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan, maka Bab 2 Ceraian 1 dan 2 akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian 1 dan 2, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2 Ceraian 1 dan 2 di jadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita membincangkan tajuk-tajuk di Jadual ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua iaitu bagi mana-mana kementerian yang mempunyai banyak jabatan di bawahnya, ia akan

dipecahkan kepada 2 atau 3 bahagian untuk diteliti dan dibahaskan. Oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai 20 buah jabatan di bawahnya, maka perbincangan kepada Tajuk ini akan dibahagikan kepada 3 bahagian.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Jabatan Perdana Menteri, Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita berhadapan dengan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Terdapat 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang di bawah kategori jabatan-jabatan yang kita sifatkan sebagai jabatan-jabatan tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan Hal Ehwal Strategik Keselamatan Negara dan isu-isu yang akan dibincangkan, mungkin perkara-perkara yang merupakan sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka maka tidaklah perlu perkara ini kita bincangkan di Dewan ini.

Walau bagaimanapun, sebelum saya membukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri yang lain, saya ingin memberikan peluang dulu kepada yang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat kenyataannya tentang penyediaan belanjawan serta

hala tuju Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin hadirat sekalian, Yang Berhormat Pengerusi, sebelum Jawatankuasa ini membincangkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2021/2022 ini. Ia bertujuan memandu perbincangan supaya lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal belanjawan yang akan dibincangkan. Belanjawan Jabatan Perdana Menteri ini mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu "*Ke Arah Membangun Sosioekonomi Yang Resilien*" dengan tiga fokus utama.

Yang Berhormat Pengerusi, sepertimana juga Rang Belanjawaan 2021/2022 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II secara umumnya rang tersebut adalah pada menjunjung tinggi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda dalam pengukuhan kemajuan dan kedayatahan sosioekonomi negara demi menjamin kesejahteraan

rakyat dan penduduk serta keamanan Negara Brunei Darussalam bagi jangka masa panjang.

Ke arah itu, berdasarkan tema dan tiga fokus utama Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2021/2022, perancangan dan Pelan Tindakan Jabatan Perdana Menteri seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti negara. Dalam mendukung usaha-usaha bagi meningkatkan produktiviti negara khususnya dalam perkhidmatan awam, beberapa program dan inisiatif sedang dan akan diusahakan, antara lainnya termasuk perancangan pengauditan sumber tenaga manusia dalam perkhidmatan awam dengan tema "Memperkasakan Tenaga Kerja Perkhidmatan Awam" yang bertujuan meneliti keperluan tenaga kerja dalam memupuk pembangunan kepimpinan dan memastikan gabungan tenaga kerja yang optimum demi kecemerlangan organisasi.

Seterusnya, projek *Government Human Resource Management System (GHRMS)* seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi iaitu gabungan *System GEMS* dan *TAFIS 2.0* di bawah *fiscal consolidation program* yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama Jabatan Perdana Menteri. Sistem yang akan

menggantikan sepenuhnya Sistem Pengurusan Sumber Tenaga Manusia bagi setiap kementerian adalah dihasratkan untuk mempertingkatkan lagi produktiviti dan kecekapan proses-proses pengurusan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Bagi mempercepatkan lagi proses pengambilan pegawai dan kakitangan, inisiatif *digitization* akan dipertingkatkan lagi melalui penaiktarafan *PSC Recruitment System* kepada *PSC Recruitment 2.0* yang seterusnya akan disepadukan *System Job Center Brunei (JCB)* menjadikan *single window national recruitments portal*.

Pojek penaiktarafan bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga dihasratkan akan dapat menjurus kepada meningkatkan lagi kapasiti proses pengambilan dari aspek infrastruktur fizikal. Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Kumbang Pasang dalam hasrat menyediakan ruang pejabat dan kaunter Perkhidmatan Pelanggan yang lebih selesa dan kondusif.; dan

2. Penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mampan (*sustainable*) dan berdaya tahan (*resilient*) untuk kesejahteraan awam dan perkembangan ekonomi. Jabatan Perdana Menteri

akan terus memainkan peranan utama dalam memelihara kesejahteraan awam, usaha-usaha yang akan dilaksanakan antara lainnya ialah:

- i. Pelaksanaan dasar-dasar sosial yang berkesan, yang akan dapat memenuhi keperluan asas rakyat dan memberikan akses dan peluang yang saksama kepada setiap lapisan rakyat ke arah kualiti kehidupan yang tinggi. Pada mencapai tujuan itu, Jabatan Perdana Menteri bersama-sama Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menyediakan *Brunei Darussalam Sosial Blueprint*. *Blueprint* ini sebagai garis panduan dan hala tuju perancangan negara bagi mencapai matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.

Dalam perkara ini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga dialu-alukan untuk membuat pencerahannya nanti. Dalam pada itu juga antara usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan berkaitan dengan Radio Televisyen Brunei dalam memelihara dan menaik taraf infrastruktur serta peralatan siaran radio dan televisyen dalam memastikan infrastruktur siaran yang berdaya tahan demi kemudahan akses pada program-program maklumat dan kenegaraan dalam kalangan penduduk.

Ini termasuklah pemasangan *TV Jet Filler* di Daerah Tutong dan Temburong, penggantian alat pemancaran radio di Bukit Subok dan Andulau penaiktarafan *network management system* dan projek *fiber division* dan *connectivity*.

إِنْ شَاءَ اللهُ, semoga urusan berjalan baik nanti, RTB di Temburong akan berpindah ke bangunan *Terminal Jetty Maritime and Ports Authority of Brunei Darussalam* dalam memastikan persekitaran tempat kerja yang lebih baik dan selesa. Dalam mempertingkatkan pegurusan perumahan kerajaan pula, sebuah badan bertindak perumahan kerajaan telah ditubuhkan dengan kerjasama Brunei Darussalam Aset berhubung pengurusan beberapa aset kerajaan seperti flat di tempat-tempat yang dapat dikenal pasti.

Inisiatif ini akan dapat mengemas kini dasar dan peraturan penyewaan perumahan kerajaan dengan pendekatan *whole of nation approach* dan *whole of government approach* dalam mengukuhkan kualiti pengurusan dan pemeliharaan infrastruktur perumahan kerajaan.

Dalam pada itu, langkah ini juga selari dengan inisiatif *Housing Focus Group (HFG)* kendalian Kementerian Pembangunan iaitu Yang Berhormat Menteri Pembangunan dialu-alukan untuk memberikan pencerahan mengenainya juga. Di samping itu, Program Sua Muka dan Masyarakat Bermaklumat pengendalian Jabatan Penerangan juga diteruskan yang

bermatlamat untuk mendekati penduduk Kampung dan meningkatkan hubungan kerjasama 2 hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta penduduk.

Aktiviti ini telah mengumpulkan maklumat dari kalangan masyarakat mengenai isu-isu pendapat serta cadangan penambahbaikan yang perlu diambil perhatian melalui pemimpin-pemimpin akar umbi.

Bagi tahun 2020 hingga 2021, sebanyak 15 buah kampung di Daerah Brunei dan Muara telah dan dalam rancangan untuk dilibatkan dalam program ini 3 buah kampung di Daerah Belait, 3 buah kampung Daerah Tutong manakala 2 buah kampung di Daerah Temburong.

Dalam perkara yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan ini kerjasama dan dukungan Ahli-Ahli Yang Berhormat, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung sangat-sangat dihargai dan disanjung tinggi. Teruslah memberikan input, cadangan, saranan-saranan, ke arah memperkasakan lagi usaha Jabatan Penerangan ini nanti, ayuh!.

Dalam usaha bersepadu kerajaan untuk membendung risiko penularan wabak *COVID-19*, Jabatan Perdana Menteri juga memberikan sokongan dan memainkan peranan utama dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan berkepentingan dalam memelihara kesejahteraan dan keselamatan awam melalui pengawalan pergerakan masuk dan keluar negeri.

Pelaksanaan prosedur dan syarat-syarat berkaitan pergerakan keluar masuk

sempadan memberi penekanan kepada memastikan kemudahan dalam pengangkutan barangan termasuk mengelakkan terjejasnya pembekalan barangan asasi, demi memelihara hal ehwal sosio-ekonomi negara.

Di samping itu pembentukan Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan telah memberikan kesan dan menjadi sandaran utama dalam melaksanakan polisi keluar masuk negeri. Maksudnya *SOP*.

Menjana Sumber Manusia yang *competent* dan *employable*. Dalam usaha mendukung sumber manusia yang *competent* dan *employable*, usaha-usaha yang dilaksanakan termasuklah memantapkan mutu kepimpinan dalam perkhidmatan awam melalui pengenalan program baharu di bawah *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)* iaitu *Advance Executive Development Programme (AEDP)* dengan kerjasama pihak institusi pendidikan tinggi di negara ini seperti UBD, UNISSA, UTB, KUPU SB dan *IBTE*.

Di samping itu juga, rancangan penggantian kerjaya bagi jawatan-jawatan utama giat dilaksanakan dengan kerjasama setiap kementerian dalam memastikan pembangunan kompetensi pegawai-pegawai kerajaan serta pengisian jawatan-jawatan kanan yang terancang.

Kompetensi dalam kalangan agensi penguatkuasaan turut menjadi salah satu tumpuan iaitu Pejabat Peguam Negara telah mengungkapkannya beberapa sesi latihan seperti mengenai saksi pakar,

detecting money laundering dan *targeting profit of drug trafficking*.

Selain itu Pejabat Peguam Negara berkolaborasi dengan jabatan-jabatan dan institusi-institusi Pendidikan tinggi dalam mengadakan seminar undang-undang bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan warga perkhidmatan awam dan penuntut-penuntut pengajian tinggi mengenai hal ehwal perundangan.

Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan sebuah seminar perundangan yang diselenggarakan bersama dengan Pejabat Peguam Negara dengan program celik undang-undang ini telah dilangsungkan pada 19 dan 21 November 2020 yang lalu.

Dalam perkara ini, Jabatan Perdana Menteri akan berusaha untuk meneruskan program ini sebagai sebuah program pembangunan dan juga memastikan faedah seminar ini dapat diraih secara berterusan. Di samping itu juga dari segi *employability* orang awam dan khususnya anak tempatan *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* melalui *Job Centre Brunei* giat berusaha dalam melaksanakan pelan strategik *MPEC* dalam mempertingkatkan lagi inisiatif pengambilan pekerjaan anak-anak tempatan di semua sektor untuk menepati sasaran-sasaran berkaitan, mengikut jangka masa yang dirancang demi memperkasa usaha pengurangan jumlah pengangguran yang telah pun menampakkan kejayaannya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

dan Ekonomi II, sebagai pengerusi *MPEC* dialu-alukan untuk memberikan dan juga pencerahannya. Kesimpulannya, dengan izin *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* dan *وَتَعَالَى* jua Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa menjurus kepada matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan pendekatan *whole of nation approach* melalui 4 pencapaian strategik yang dikenal pasti iaitu Urus Tadbir Yang Berdaya Maju; Kesiapsiagaan Yang Mampan; Keberhasilan Yang Memfokuskan Kepentingan Negara; dan Rakyat dan Organisasi yang Cemerlang dan Mantap.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri akan terus berusaha menguruskan perbelanjaan yang diperuntukkan dengan berhemat dan memastikan setiap perbelanjaan akan menghasilkan impak positif dan signifikan kepada rakyat dan penduduk serta negara secara berterusan melalui pelaksanaan keutamaan-keutamaan atau *priorities* Jabatan Perdana Menteri. Berasaskan itu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2021/2022 telah disokong untuk disediakan peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak \$362,536,000.00 iaitu berkurangan sebanyak \$3,445,500.00 berbanding peruntukan Tahun Kewangan 2020/2021.

Jabatan Perdana Menteri tidak akan terbahanga kerana kekurangan tersebut malahan bersedia menghadapi cabaran disebabkan kekurangan itu. Perbelanjaan

Kemajuan yang disediakan pula berjumlah \$65,498,880.00 menjadikan peruntukan keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disokong berjumlah \$431,520,380.00.

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum untuk mengakhiri kaola ingin berseru dan menyuarakan hasrat iaitu apabila sampai waktu untuk perbahasan nanti, marilah kitani berbincang dan mengutarakan pendapat, pandangan dan cadangan kepada apa jua tajuk yang akan dibangkitkan.

Jangantah kitani terlalu mengutamakan pertanyaan-pertanyaan dan soalan-soalan, kemukakanlah pandangan-pandangan, cadangan-cadangan atau marilah kitani berjumpa bincang-bincang, bertukar-tukar fikiran pada bila-bila masa jua kitani berada.

Ini sebagai sahutan kitani menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas, Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021, yang diadakan pada hari Isnin lepas, 11 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Sebagai mengulang apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah Jabatan

Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara, isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Untuk akhirnya, izinkan kaola seperti biasa berpantun sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Pantun kaola:

Guava, jambu batu, biabas buah kitani,
Buah Capak, *beach berry* sama rasa,
Kitani Bersatu di sana di sini,
Bersama menghadapi cabaran masa.

Dang Ayang mencaruk Pak Saloi mengemudi,
Mengayuh perahu menuju daratan,
Berhemah, berjimat, berhati-hati meneguk budi,
Biar makmur khazanah watan.

Matahari terbit menyilaukan mata,
Puteri cantik wirayu madah diutus,
Dalam berbelanja memelihara harta,
Biar cangkik jangan putus.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya percaya pantun

yang dikemukakan akan boleh dijawab oleh salah seorang daripada ahli yang akan turut serta dalam perbincangan yang diadakan ini. Bagi Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A sekarang dibuka untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Saya akan membawa Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu sejauh mana *efficiency* sistem *Quick Win* yang bertanggungjawab bersama agensi-agensi lain dalam usaha membantu membina rumah orang-orang daif kerana sebelum *Quick Win* diperbentukkan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara bersama agensi-agensi lain bertindak cepat tetapi setelah *Quick Win* mengambil sebagai peneraju, bantuan dilaksanakan ada yang sehingga 5 ke 10 tahun.

Sehingga terjadi viral rumah-rumah orang daif tersangat daif, yang menjadi mangsa kekesalan orang ramai dalam viral adalah pemimpin akar umbi seolah-olah tidak membantu memohonkan bagi mereka yang daif untuk mendapatkan bantuan pembinaan rumah. Jika pun ada masalah dari pemilikan tanah, saya kira jika berinisiatif bekerjasama dengan semua jabatan yang terlibat tidaklah hingga lima tahun maka kami bersedia

untuk bekerjasama dengan pihak *Quick Win* supaya mereka yang patut dibantu akan diperbantukan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, mengenai *Quick Win*. *Quick Win* ini adalah satu jawatankuasa bagi membincangkan bantuan-bantuan rumah bagi orang-orang daif, fakir miskin yang asalnya juga dikelolai bersama Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan.

Kaola bukan semata-mata ingin menolak mengenai apa yang dikatakan itu disebabkan oleh pertukaran *Quick Win* sehingga melibatkan 5 hingga 10 tahun. Tetapi banyak perkara teknikal yang tersangkut bagi satu perkara yang diviralkan, kadang-kadang perkara yang diviralkan itu ialah semata-mata untuk membangkitkan persoalan kekurangan ataupun tidak terdapatnya bantuan disalurkan.

Ada antara pihak yang diviralkan itu terdiri daripada orang-orang yang memang diberikan ataupun dihubungi untuk diberikan bantuan tetapi ada antaranya yang menolak untuk dibantu, ada yang menghadapi masalah keluarga, ada masalah teknikal, seperti nama dalam geran tanah dan sebagainya.

Jadi, tidaklah perkara ini disebabkan oleh pertukaran *Quick Win* ini menyebabkan

perkara itu tidak seperti yang lama. Ahli-ahli jawatankuasa bagi *Quick Win* ini masih juga terdiri daripada orang-orang yang dulu menjadi jawatankuasa-jawatankuasa memikirkan perumahan daif dan fakir miskin ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ bukan setakat itu sahaja, perkara ini mendapat sumbangan atau pemikiran dari pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah mengenai orang-orang yang diviralkan kedudukannya itu. Jadi perkara ini dapat dibincangkan dan difikirkan bersama oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang tersebut dan dapat diberikan, diambil tindakan yang sewajarnya iaitu dengan perkongsian bantuan, baik dari pihak kerajaan mahupun pihak-pihak swasta dan badan-badan tertentu. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ yang akhir-akhir ini telah diviralkan dan dapat dibantu oleh pihak-pihak dari akar umbi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِیْنَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی سَیِّدِنَا مُحَمَّدٍ اَشْرَفِ الْمُرْسَلِیْنَ، وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ.

Saya akan membawa Tajuk SA01A – Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kaola pakai bahasa baharu 'adika' kerana kaola tidak pasti sama ada ia adinda atau kekanda, umur kami tidak pasti. Jadi kaola ciptakan perkataan baharu, adinda kekanda mana-mana yang bersesuaian. Kaola sangat tertarik mengenai pembentangan mukadimah tadi.

Kaola merasa ingin menyebutkan semula walaupun perkara ini telah abiskaola bincangkan semasa muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri. Kaola secara peribadi ada mengutarakan masalah yang disebutkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi iaitu tumpuan keutamaan Jabatan Perdana Menteri (JPM):

1. Memperkasa Tenaga Kerja Perkhidmatan Awam. Dalam hubungan ini, kaola ada menimbulkan bagaimana warga perkhidmatan awam perlu diperkasakan supaya menjadi warga yang berdisiplin dan taat kepada peraturan. Tetapi apa yang dapat kaola perhatikan dari pengamatan harian kaola, ramai warga perkhidmatan awam ini dari *top management* hingga ke bawah lambat datang ke pejabat, Yang Berhormat Pengerusi. Ini terbukti apabila kaola secara peribadi lalu di jalan raya pukul 8.00 – 8.30 masih ramai lagi warga perkhidmatan awam berada di jalan raya dan kaola kaitkan perkara itu

disebabkan terutamanya semasa bukan cuti sekolah.

Sudah berpuluh-puluh tahun tani mengalami *traffic* jam, pada sebilangan orang *traffic* jam mungkin difikirkan perkara biasa-biasa sahaja tetapi dari segi yang sebenar ia adalah suatu persoalan negara yang besar kerana dengan adanya orang masih ada di jalan raya terutamanya warga perkhidmatan awam dari *top management* sampai ke bawah beberapa banyak masa yang diambil dan beberapa banyak penghasilan negara yang telah hilang.

Traffic jam, jadi kaola telah menyuarakan akan supaya difikirkan satu cara secara bersepadu secara *Whole of Government* and *Whole of Nation*. 'Sadangtahi tani' berfikir ia suatu perkara biasa-biasa saja tetapi ia adalah suatu persoalan negara yang harus ditangani "*once and for all*" maksudnya kita fikirkanlah bersungguh-sungguh supaya perkara itu dapat diatasi dan kaola ada menyebutkan beberapa cara, antaranya:

1. Menambah baik sistem jalan raya kitani dengan membanyakkan *fly-over* dan pembinaan-pembinaan yang bersesuaian bagi melicinkan perjalanan dibandingkan perjalanan sekarang. Kitani hanya membuat *round about* dan sebagainya. Jadi, kaola serukan supaya mengambil 'sukut' majlis kitani bersidang pada petang ini,

jadikanlah ia isu yang besar bukan hanya isu perkara biasa sahaja.

2. Kaola juga mengucapkan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah 'mengambil punggur ke hadapan' dengan mengadakan seminar-seminar tertentu bagi penguatkuasa undang-undang. Perkara ini penting supaya warga jabatan yang memiliki akta untuk dikuatkuasakan supaya tahu akan *procedure* menguat kuasakan undang-undang tapi jangan lupa, mengetahui saja tidaklah cukup yang penting adalah bertindak dengan pantas, cekap dan penuh hikmah.

Itu saranan kaola, akhirnya memandangkan Yang Berhormat adika Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun berpantun, kaola terpanggil untuk menjawab kerana Yang Berhormat Pengerusi pun ada menyebut tadi. Pantun kaola pendek saja biasanya empat baris disebabkan keadaan negara dilanda wabak *COVID-19*, kaola pendekkan kepada dua baris: "Bunga selasih ubi kayu, terima kasih *thank you*". Itu sahajalah mudah-mudahan kitani diberkahi oleh اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan perkhidmatan kitani akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Jabatan Perdana Menteri.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima Kasih Yang Berhormat 'adika', bergelar sudah 'adika'. Pertama tadi yang disebut mengenai *traffic* jam dan yang kedua mengenai kuat kuasa undang-undang. Terima kasih atas ucapan tahniah kepada Yang Berhormat 'adika' Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Apa-apa juga yang disuarakan itu, diambil perhatian dan untuk difikirkan bersama kerana masalah *traffic* jam ini. Seperti yang dikatakan masalah pasar atau masalah yang sudah berlarutan barangkali sudah diambil tindakan berpuluh-puluh tahun belum jua berhasil.

Maka mudah-mudahan dengan adanya niat dan tekad daripada kita dapat perkara ini akan diselesaikan. Tapi untuk menyelesaikan, banyak perkara yang perlu diteliti terutama dari segi mentaliti dan yang kedua ialah 'Awang Mettusin' kerana ia melibatkan seperti yang dicadangkan ialah dengan mengadakan *fly-over* dan sebagainya. Satu *fly-over* tidak tahu berapa juta, Menteri Kewangan boleh nanti mentafsirkan berapa dan Menteri Pembangunan boleh mentafsirkn berapa harga satu *fly-over* kalau akan dibuat. Jadi perkara itu, biar sama-sama kitani memikirkannya.

Mengenai langkah-langkah yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dari segi pengenalan undang-undang, satu perkara yang boleh dikatakan langkah-langkah yang positif kerana sambutan

daripada pegawai-pegawai tinggi, pegawai-pegawai pertengahan dan pegawai-pegawai permulaan. Semuanya merasakan hari ini patut sudah lama dikendalikan kerana ia satu pembuka mata untuk mengetahui dasar dan peraturan serta undang-undang bagi pekerjaan atau ahli-ahli perkhidmatan awam.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola ingin merujuk kepada Tajuk - SA01A. Kaola ingin meminta izin daripada Yang Berhormat Pengerusi untuk membacakan beberapa teks yang telah dikongsikan kepada kaola:

- i. Saya takut untuk melapor kerana pelaku adalah salah seorang ketua kami.;
- ii. Dia pegang dan cubit peha saya dan hampir memegang badan saya.;
- iii. Dia sering sengaja telanggar bahagian atas badan saya.

Kaola memohon maaf kerana membangkitkan perkara ini kerana masih belum ada tindakan yang diambil. Tetapi, makin ramai mangsa yang mengadu kepada kaola. Mangsa-mangsa merujuk

kepada kaola, menangis dan takut tidak dipercayai, takut sebab tiada bukti.

Kaola ingin menekankan kesedaran sangat penting sebagai satu *preventive measure* sebab setelah perkara yang tidak diinginkan berlaku, mangsa yang perlu melalui proses aduan yang sangat panjang tetapi ia tidak akan menghilangkan rasa trauma yang dihadapi apatah lagi ada mangsa yang takut sekiranya pelaku ditangkap, ada yang akan membalas dendam.

Kaola ingin menyuarakan beberapa cadangan seperti yang berikut, dan kaola percaya Jabatan Perdana Menteri dapat menerajui kerana ia melibatkan beberapa kementerian:

1. Memastikan pihak kerajaan dan swasta mempunyai *code of conduct* bagi meningkatkan kesedaran orang ramai sebagai contoh; *Syarikat-Syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSJV)* mempunyai *code of conduct* bahawa tiada tolak ansur bagi isu gangguan termasuk mana-mana perbuatan tingkah laku atau kelakuan yang memalukan, menakutkan atau bersikap ganas seperti intimidasi fizikal atau lisan atau penghinaan orang lain, komen-komen dan jenaka-jenaka yang tidak sesuai serta sebaran dan bahan-bahan yang menyinggung atau menghina;
2. Pendedahan melalui sekolah disinilah sepatutnya diajar dari usia yang muda tentang batasan kelakuan fizikal dan lisan. Ini juga satu cara menangani kes-kes gangguan apabila dilihat

banyak kes melibatkan mangsa bawah umur.;dan

3. Memastikan perkhidmatan yang *isolated* jika perlu sebagai contoh, kelas memandu, jantina guru dan pelajar adalah sama.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari kerana telah membawakan perkara yang ini yang sangat penting. Sebenarnya perkara ini sering berlaku dan menjadi perkara yang diambil perhatian berat pihak Jabatan Perdana Menteri dan beberapa kali sudah perkara ini dijalankan penyiasatan.

Walau bagaimanapun, apa yang disuarakan Yang Berhormat itu memang betul ada antara mangsa itu tidak berani, takut ada balasan atau dendam ataupun menjadi trauma kepadanya. Kaola bagi pihak Jabatan Perdana Menteri sangat-sangat mengalu-alukan apa jua cadangan daripada Yang Berhormat itu seperti yang kaola katakan tadi dalam sebelum mengakhiri ucapan kaola, marilah kitani sama-sama duduk berunding membuka fikiran dan berbincang cara-cara untuk mengatasi perkara-perkara sebegini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita ingin bercakap juga dalam Tajuk SA02A – Jabatan Adat Istiadat Negara yang jumlah peruntukan sebanyak \$3,007,000.00.

Yang Berhormat Pengerusi, Jabatan Adat Istiadat Negara merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pemeduliaan, pemeliharaan, penyelarasan dan pengendalian.

Jabatan Adat Istiadat Negara merupakan jabatan perbendaharaan Adat Istiadat Negara yang pasti menjaga dan mengawal ketulenan adat istiadat negara. Sejak ratusan tahun adat istiadat telah wujud seiring kesultanan Negara Brunei Darussalam sehingga sekarang.

Dalam perkara ini, untuk menjaga ketulenan adat istiadat dan pemeliharaannya memerlukan tokoh-tokoh adat istiadat yang tidak akan pupus ditelan zaman.

Apakah usaha-usaha dan langkah Jabatan Adat Istiadat Negara dalam jangka panjang supaya akan terus kekal dan terpelihara? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengenai Jabatan Adat Istiadat Negara. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kalau tadi dikatakan adat istiadat telah wujud sejak beratus tahun yang dahulu ia akan wujud selagi kita berada di bumi Negara Brunei Darussalam yang penuh dengan adat istiadat ini dan untuk makluman bahawasanya, adat istiadat kita ini adalah unik dan berbeza daripada negara-negara lain dan jika diperhatikan oleh Yang Berhormat sendiri banyak acara kita yang berlainan ataupun lebih daripada negara-negara jiran kita.

Mengenai pengekalan tokoh-tokoh adat istiadat ini bukanlah satu perkara yang senang untuk didapati atau didapatkan kerana adat istiadat merupakan cara hidup masyarakat kita dari peringkat atasan hinggalah ke peringkat bawahan dan orang-orang yang akan menjadi tokoh adat istiadat ini bukanlah sebarang orang.

Ia perlu mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta mempunyai kebolehan. Walau bagaimanapun, perkara ini memang menjadi perhatian kepada kita semua dan pencarian tokoh-tokoh itu akan kita fikirkan bersama-sama kerana memang tanggungjawab kita sebagai rakyat dari sebuah negara yang beradat istiadat dan ini adalah sangat penting, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya berpendapat ada baiknya sekarang Tajuk - SA01A hingga Tajuk - SA07A kita undi. Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Terima kasih.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A Jabatan Perdana Menteri, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A untuk kita bahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terus sahaja perbincangan saya petang ini iaitu menyentuh mengenai pengurusan kemudahan perkhidmatan awam atau Kod Akaun 001/002.

Saya ingin menyentuh dengan sokongan bagi wanita yang bekerja dalam perkhidmatan awam, kita lebih kurang 55% adalah dalam kalangan wanita dan اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Peraturan Cuti Beranak tahun 2011 telah membantu serta diharap *Maternity Leave* yang pernah kita bincangkan di Dewan yang mulia ini akan dapat terlaksana sebaiknya.

Namun begitu cabaran masih ada, izinkan saya untuk mengongsikan beberapa data:

- i. Menurut data daripada Kementerian Kesihatan pada tahun 2013 *Exclusive Breast Feeding (EBF)* pada bulan pertama ialah 79% tetapi selepas 6 bulan apabila cuti bersalin tamat turun 37%.;
- ii. Pada tahun 2018, jumlah kadar kesuburan menurun kepada 1.7% bagi setiap wanita berbanding 1.8% pada tahun-tahun sebelumnya. Ini bermakna semakin banyak wanita terlibat dalam pekerjaan aktif membawakan maksud bilangan kanak-kanak yang dilahirkan juga turut berkurangan.; dan
- iii. *Population Pyramid* kita juga dibandingkan perbezaan 2011 dan 2017 adalah berubah menjadi *top heavy* dan dijangka menjadi *ageing population* dan *working age population* kita semakin berkurangan dan warga emas yang tidak bekerja yang lebih ramai boleh menghalang perkembangan ekonomi.

Soalan saya. Apakah tindakan kita dalam memberikan sokongan kepada ibu-ibu yang bekerja ini supaya kita terus memberi peluang serta dukungan untuk wanita terus berkerjaya sambil memastikan penjagaan anak tidak terabai? Pernah didengar juga ibu-ibu yang terpaksa berhenti bekerja kerana menjaga anak.

Saya cadangkan untuk menyediakan dasar untuk penyeliaan Pusat Penjagaan Anak Damit atau Kanak-Kanak (*CLASH*) di tempat kerja bermula dengan bangunan-bangunan pejabat kerajaan dengan inisiatif ini boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti pekerjaan. Laporan daripada *case study* beberapa negara menunjukkan ia dapat mengurangkan ketidakhadiran dan meningkatkan *output* harian pekerja-pekerja wanita.

Meningkatkan kesejahteraan ibu boleh menggalakkan orang ramai untuk mempunyai anak dan berkerjaya pada masa yang sama bukan pilihan antara dua. Sebagai pemikiran ia adalah alternatif bagi pusat penjagaan yang ada dijalankan oleh pihak swasta tetapi untuk menggalakkan ibu berkerja ini menggunakan pusat-pusat di tempat kerja dan memberi subsidi juga kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Pusat-pusat ini juga boleh ditawarkan secara IRP untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan, malah sudah ada beberapa kementerian yang mempunyai kawasan sendiri untuk penjagaan anak namun ia dibiarkan kosong malah ada yang dijadikan sebagai stor untuk menyimpan barang.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Mengenai ibu-ibu yang beranak ini, belum dapat mereka mendapatkan di mana-mana praktisnya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat

Awang Iswandy bin Ahmad itu. Cadangan daripada *Yang Berhormat* Awang Iswandy bin Ahmad sangat-sangat menarik dan perlu diambil perhatian. akan kitani sama-sama bincangkan dan kitani fikirkan.

Walau bagaimanapun, setakat ini perkara tersebut tidak dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Di Bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau dikenali sebagai *General Orders*. Akan tetapi beberapa amalan terbaik (*best practices*) telah dan sedang dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan tertakluk kepada pertimbangan ketua jabatan itu sendiri.

Iaitu memberikan kelonggaran masa bagi perempuan yang mengandung dan telah bersalin untuk memedulikan hal penjagaan kesihatan mereka, menghadiri perjanjian doktor dan penyusuan (*breast feeding*) bagi keperluan *nursing mothers*.

Memberi tugas-tugas yang dianggap sebagai *light duties* bagi perempuan yang mengandung dan telah bersalin untuk mengurangkan beban kerja bagi menjaga kesejahteraan mereka. Penyediaan bilik khas bagi kemudahan penyusuan ibu (*breast feeding room*) di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian dan juga sesetengah kementerian jabatan menyediakan tempat letak kereta khas bagi ibu-ibu yang mengandung.

Jadi, ketiga-tiga perkara ini, dijalankan ataupun dipraktikkan oleh beberapa buah jabatan ataupun kementerian.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh ditingkatkan lagi jika kitani mempunyai peluang untuk melengkap apa yang disebutkan memberikan galakan dan durungan kepada ibu-ibu ataupun ibu-ibu yang mengandung dan *working mothers*.

Jadi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kerana perkara ini telah dibangkitkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin merujuk kepada Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam.

Isu yang saya ingin bangkitkan ini telah pun disebutkan sebanyak 11 kali di Dewan yang mulia ini. Dari tahun 2013 dan ia masih belum dapat dilihat perkembangannya. Izinkan saya terus membahaskan isu ini kerana ia mungkin dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Yang saya maksudkan ini adalah isu memangku jawatan. Saya mengambil maklum akan inisiatif yang telah

dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui *CSLP* yang telah diperkenalkan pada tahun 2012. Ia merangkumi *Executive Development Programme, SGO* pada tahun 1996, *EDP Middle Management Office* 2003, *YEP* pada tahun 2020 dan *Advance Executive Development Programme*.

Anggaran perbelanjaan disediakan, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** bagi *CSLP Pipeline* pada tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak \$785 ribu. Saya juga mengambil maklum akan *CSLP* yang telah dikemaskinikan pada November 2020 dan keperluan untuk memangku jawatan-jawatan kosong dikehendaki minimum setahun.

Saya berpendapat bahawa memangku selama minimum setahun itu cukup lama sekiranya mereka sudah melalui dan lulus *CSLP*. Ada yang masa ini memangku lebih dari 7 tahun, mungkin ia tidak lulus dalam *CSLP*. Saya ingin memberi contoh dari perangkaan yang dikumpulkan secara purata.

Bagi jawatan yang memangku Pengarah keatas pada masa ini terdapat lebih daripada 54% iaitu lebih kurang 81 orang daripada 150 memangku jawatan Pengarah dan keatas. Ia memerlukan lebih kurang 1.5 juta setahun untuk membayar elaun-elaun memangku bagi 81 orang ini. Ini seharusnya dikawal dengan efektif bagi mengelakkan penggunaan peruntukan yang berlebihan.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa setelah pengemaskinian *CSLP* ini dipraktikkan. Saya berharap pihak

jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian dapat memantau proses kenaikan pangkat dengan lebih dekat dan teliti untuk memastikan jawatan-jawatan yang dipangku dapat diisi oleh pegawai-pegawai yang berpotensi dengan segeranya untuk memberi peluang kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong itu nanti.

Ini juga secara langsung akan membantu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita sebagai nilai tambah dalam menjimatkan perbelanjaan pihak kerajaan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman jiran kaola. Iatah memberinya berani kalau di rumah hampir tidak ia berani tu.

Terima kasih atas pandangan dan komen daripada Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai pemangkuan jawatan ini.

Jabatan Perdana Menteri memang tidak pernah 'mengalih' berusaha untuk meyakinkan supaya jawatan-jawatan yang dipangku itu akan terus diisi oleh pemangku-pemangkunya kerana ia melibatkan bukan dari segi kewangan sahaja.

Kewangan tidak jua seberapa banyak pasal kalau jadi Pengarah pun sama jua belanjanya, ia memangku itu. Cuma dari segi kuasa dan tindak-tanduk itu yang penting.

إِن شَاءَ اللَّهُ dalam kira-kira bulan lepas barangkali Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan satu perjumpaan ,nya kitani *ministers branch* namanya berkumpul dengan rakan-rakan sejawatan menteri-menteri kabinet untuk membincangkan perkara ini dan untuk mengatasinya supaya jangan ia berlarutan dan mudah-mudahan perkara ini akan menampilkan hasilnya yang menteri-menteri kabinet telah pun diberikan data-data dan masalah-masalah yang dihadapi mengenai kerja-kerja ataupun fenomena *acting-acting* ini.

Jadi semua itu telah diberikan gambarannya kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan إِن شَاءَ اللَّهُ Menteri-Menteri Kabinet akan mengambil tindakan masing-masing dengan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk melaksanakan apa yang telah dibincangkan bersama itu.

Bagi Jabatan Perdana Menteri projek-projek *CSLP* dan sebagainya memang satu projek yang menjadi *trademark* bagi Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, satu jawatankuasa yang paling penting sekali ialah Jawatankuasa Tangga Gaji. Jawatankuasa Tangga Gaji inilah yang bertugas dan memikirkan bertungkus-lumus bagaimana caranya untuk membolehkan pemangku-pemangku itu

dapat dikekalkan atau *diconfirmkan* bagi jawatan yang dipangkunya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan kerjasama dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, maka sudah beberapa orang telah dapat *diconfirmkan* jawatannya setelah memenuhi syarat-syaratnya.

Apa yang penting ialah Jabatan Perdana Menteri tidak akan berundur daripada mengekalkan syarat-syarat untuk *diconfirmkan* itu. Ini adalah untuk mengekalkan kualiti bakal pemegang ataupun peneraju bagi mana-mana pentadbiran-pentadbiran satu kementerian ataupun jabatan-jabatan itu.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , اِنْ شَاءَ اللّٰهُ Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian yang berat apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Pertama sekali, kaola merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan taklimat yang sebaik-baiknya.

Kaola ingin menyentuh mengenai Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2021 - 2022. Tajuk kaola timbulkan ini ialah Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dengan jumlah peruntukan iaitu \$40,413,480.00.

1. Kaola ingin merujuk yakni lampiran 1.08 iaitu Anggaran Perbelanjaan 2021/2022, Radio Televisyen Brunei iaitu Petunjuk Prestasi Utama Indikator iaitu kutipan hasil melalui penjualan iklan Tv dan Radio.

Kalau kaola melihat catatan yang ada di lampiran 1.08 ini, pada tahun 2019 sehingga 2020 anggaran yang diberikan ialah \$0.8 juta. Tetapi hasil yang dikutip pada tahun 2019 sehingga 2020 itu hanyalah \$425,403.00. Jadi kalau kaola melihat pencapaiannya tidaklah sampai kepada \$0.8 juta. Jadi persoalan kaola, bagaimanakah untuk meningkatkan atau mencapai hasil seperti yang disampaikan?;

2. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang jumlah yang diperuntukkan ialah \$5,350,460.00. Kaola ingin mengetahui mengenai dengan perumahan, berapakah jumlah pemohon-pemohon penjawat awam yang memohon kemudahan perumahan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam daripada *scale* Bahagian II kebawah sehingga Bahagian V?. Berapa kerapkah pembahagian atau serahan atau diserahkan rumah-rumah kawalan

JPA untuk disewakan kepada penjawat-penjawat setiap bulan dan merujuk kepada perbelanjaan 2020/2021, adakah perbelanjaan tersebut boleh menampung untuk membagi atau menyerahkan rumah-rumah kepada pemohon-pemohon penjawat awam?. Jika tidak apakah tindakan ataupun perancangan untuk mempercepatkan permohonan-permohonan tersebut?.; dan

3. Kaola ingin menyentuh balik Tajuk SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dalam pemberhentian kerja yakni dibuang kerja ke atas penjawat awam yang dihadapkan oleh kementerian atau jabatan, adakah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bercadang akan memanggil penjawat awam berkenaan bagi memastikan tidak berlakunya perkara yang tidak selari atas pemberhentian kerja ke atas penjawat awam berkenaan dibuat oleh kementerian/jabatan tempat penjawat awam yang bertugas?. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dengan beberapa soalan yang telah dikemukakan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ , أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Jabatan persoalan-persoalan itu ada menyentuh rangka kerja ataupun kiraan gaji kitani sebagai penjawat awam. Mula-mula sekali mengenai kutipan hasil radio dan

televisyen antara \$0.8 juta dengan \$425,403.00, mengapa berkurang itu maklum saja musim *COVID-19* semua berkurang.

Walau bagaimanapun langkah-langkah untuk meningkatkan hasil pendapatan Radio Televisyen Brunei melalui iklan-iklan, promosi-promosi dan sebagainya masih berjalan terus. Kitani ibarat berniaga jadi kalau pandai 'menganukan' lurus harinya dan bulannya 'belurih' tah kitani jua orang akan mengambil iklan atau tapi dengan keadaan tertentu terutama pada musim *COVID-19* ini kurangnya sedikit nampak kitani 'belurihnya', separuh kurangnya dari yang lapas.

Tetapi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perkhidmatan radio dan televisyen akan mempertingkatkan bagi usahanya bagi meningkatkan hasil antaranya perkhidmatan penyewaan tapak bangunan bagi penempatan Alat *Communication* bagi *DST* dan *Progresif Cellular Sdn Bhd, Vending Machine*, kantin dan semuanya ini dijalankan dan pihak-pihak tertentu dikenakan bayaran. Kemudian perkhidmatan iklan melalui platform *RTB Go* ini mudah-mudah banyak 'ulihnya' dalam *RTB Go* kerana ia merupakan satu platform atau portal menjadi kegemaran orang ramai kerana ia merupakan televisyen berjalan.

Yang lainnya tergantung pada promosi-promosi atau iklan-iklan yang dikehendaki oleh pihak-pihak pengiklan untuk dikeluarkan di radio dan televisyen jadi semua itu tergantung pada pendapatan dari masa kesemasa dan mudah-mudahan barangkali dengan

keadaan *COVID-19* ini sudah berkurangan mudah-mudahan kitani akan beroleh lagi ulihnya.

Mengenai perkara yang ditimbulkan mengenai Tajuk SA14A – Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, terutama dari segi ahli-ahli perkhidmatan awam terutama sekali disiplin untuk makluman kementerian atau kerajaan memang ada satu badan disiplin di Jabatan Perdana Menteri ataupun di Jabatan Perkhidmatan Awam yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai atau orang-orang yang memikirkan yang tahu akan disiplin-disiplin ini, jadi siapa-siapa yang diambil tindakan disiplin akan dipanggil dan disiasat akan perkara yang telah berlaku dan memanglah tujuan pemanggilan ataupun tindakan disiplin itu ialah untuk menjadikan sebagai satu peringatan supaya jangan berlaku lagi. Walau bagaimanapun, tergantung jua pada kelakuan ataupun jenis kesalahan yang dilakukan itu.

Ada antaranya kesalahan yang tidak dapat semata-mata untuk diberi peringatan malahan terus diambil tindakan. Jadi, ini tergantung pada *nature*, perbuatan ataupun kelakuan yang telah dilakukan.

Mengenai perumahan, sebenarnya perumahan JPA ini tidak banyak lagi difikirkan kerana sehingga Disember 2020 yang lepas ini, tidak lagi ada flat kerajaan yang terbiar di bawah kawalan JPA kerana kebanyakannya telah dihuni oleh pegawai-pegawai kerajaan. Selepas penyerahan tersebut sehingga pada masa ini terdapat 612 unit flat kerajaan

dan 320 unit daripadanya sudah berpenghuni dan 3 unit kosong yang sedia untuk diperuntukkan.

Manakala, sebanyak 289 unit kosong termasuk sulit yang sedang dalam proses pemulihan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Jadi, masalah orang-orang yang akan diberikan perumahan itu bagi yang sudah nampak ialah semuanya diberikan apabila ia sudah layak untuk menerimanya dan pihak yang berkenaan Bahagian Perumahan akan memberikan kebenaran untuk mengisi bangunan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, barangkali manamana bangunan ataupun flat, rumah-rumah kerajaan yang selain daripada itu di bawah kawalan Kementerian Pembangunan. Barangkali Kementerian Pembangunan boleh jua ditanyakan nanti bagaimana dengan pemberian ataupun perumahan untuk penyewa-penyewa perumahan kerajaan itu. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** setelah kita bersidang sebelah pagi dan

sebelah petang, saya kira cukuplah pada hari ini kita bersidang dan saya kira adalah berpatutan sekarang kita untuk menangguhkan persidangan ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan sambung lagi perbincangan pada esok hari, Khamis, 18 Mac 2021 seperti biasa mulai dari pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)